# SEKTOR KESENIAN DAN KEBUDAYAAN – PREMIS DAN FASILITI AWAM KEBUDAYAAN (PKPB)

Dikemaskini pada 16 Mac 2021

## Merangkumi

- Lawatan pengunjung ke premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan, pusat / kampung seni warisan budaya pentas persembahan budaya dan lain-lain.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada PBT.
- *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
- Lain-lain arahan.

| Waktu Beroperasi | Tidak melebihi jam 12 tengah malam | Waktu Kehadiran Pelanggan | Tidak melebihi jam 12 tengah malam | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Keselamatan dan Infeksi | • Menghadkan bilangan pengunjung berdasarkan 50% kapasiti premis berstruktur dan boleh diakses dengan penjarakan fizikal 1 meter.<br>• Premis diwajibkan menyediakan kemudahan QR code MySejahtera atau menyediakan buku pendaftaran kehadiran pelanggan sekiranya tiada capaian internet.<br>• Pengunjung, pekerja dan pekerja syarikat / kontraktor diwajibkan menggunakan MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon sekiranya tiada liputan internet.<br>• Menempatkan petugas tetap bagi melaksanakan pemeriksaan suhu badan dengan alat pengimbas suhu dan saringan gejala COVID-19 seperti batuk, sakit tekak atau sesak nafas setiap hari ke atas pekerja dan pengunjung serta memastikan pekerja / pengunjung memakai *hand sanitizer* sebelum memasuki premis.<br>• Mana-mana orang yang mempunyai suhu melebihi 37.5 C atau bergejala tidak dibenarkan membuat aktiviti dan perlu mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan berhampiran.<br>• Pengunjung yang melepasi saringan kesihatan ini akan diberikan pelekat (*sticker*) khas atau gelang getah (*wristband*) bagi tujuan pemantauan dan dikehendaki memakainya sepanjang berada di kawasan premis dan fasiliti.<br>• Semua pengunjung, staf dan pekerja syarikat / kontraktor adalah diwajibkan untuk memakai pelitup muka *(face mask*) sepanjang berada di kawasan premis dan fasiliti.<br>• Semua pengunjung, staf dan pekerja syarikat / kontraktor dikehendaki sentiasa mengamalkan kebersihan diri dengan kerap mencuci tangan menggunakan sabun dan air atau *hand sanitiser*, mengamalkan etika bersin dan batuk secara berhemah dan membuang sampah seperti tisu dan pelitup muka (*face mask*) terpakai di tong sampah bertutup yang disediakan.<br>• Semua pengunjung, staf dan pekerja syarikat / kontraktor adalah tidak dibenarkan untuk berhimpun atau berkumpul semasa berada di kawasan premis dan fasiliti.<br>• Papan tanda dan poster berkenaan kawalan keselamatan dan infeksi akan diletakkan di setiap kawasan umum dalam premis dan fasiliti. |

# SEKTOR KESENIAN DAN KEBUDAYAAN – PREMIS DAN FASILITI AWAM KEBUDAYAAN (PKPB)

Dikemaskini pada 16 Mac 2021

## Merangkumi

- Lawatan pengunjung ke premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan, pusat / kampung seni warisan budaya pentas persembahan budaya dan lain-lain.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada PBT.
- *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
- Lain-lain arahan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi** | **Tidak melebihi jam 12 tengah malam** | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | **Tidak melebihi jam 12 tengah malam** | **Kapasiti Pekerja** | **100%** |

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawalan Keselamatan dan Infeksi | • Semua pengunjung, staf dan pekerja syarikat / kontraktor adalah tidak dibenarkan untuk berhimpun atau berkumpul kurang dari jarak 1 meter antara satu sama lain semasa berada di kawasan premis dan fasiliti.<br>• Papan tanda dan poster berkenaan kawalan keselamatan dan infeksi perlu diletakkan di setiap kawasan umum dalam premis dan fasiliti.<br>• Pengunjung yang bercadang untuk ke premis dan fasiliti awam bagi sebarang tujuan penyelidikan, kaunter perkhidmatan dan lain-lain adalah digalakkan untuk membuat temujanji terlebih dahulu dengan pihak Jabatan dan Agensi berkaitan.<br>• Pengunjung secara *walk in* perlu berada ditempat yang dikhaskan dengan mengamalkan penjarakan fizikal 1 meter dan sentiasa mematuhi arahan petugas bagi melancarkan proses kemasukkan ke premis-premis.<br>• Ruangan / seksyen interaktif yang terdapat di dalam ruang pameran seperti penggunaan peralatan pameran (mencuba pakaian tradisional) atau peralatan demonstrasi pameran yang melibatkan sentuhan orang awam adalah tidak digalakkan.<br>• Memastikan bilangan petugas yang mencukupi dalam ruang pameran untuk memantau serta mengawal pergerakan dan pematuhan SOP oleh pengunjung.<br>• Pemilik premis perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pematuhan SOP oleh para pengunjung premis. Sebarang ketidakpatuhan boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan oleh para pegawai penguatkuasa di bawah Akta 342 ke atas pemilik premis pengunjung. |

# SEKTOR KESENIAN DAN KEBUDAYAAN – PREMIS DAN FASILITI AWAM KEBUDAYAAN (PKPB)

Dikemaskini pada 16 Mac 2021

## Merangkumi

- Lawatan pengunjung ke premis dan fasiliti awam kebudayaan seperti muzium, galeri, arkib, pusat kraftangan, memorial, perpustakaan dan kompleks kebudayaan, pusat / kampung seni warisan budaya pentas persembahan budaya dan lain-lain.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD.

## Arahan Tetap

- Peraturan 18 PUA 97/2021.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Tertakluk kepada PBT.
- *Patient under Investigation (PUI) & Person under Surveillance (PUS)* tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh KKM.
- Lain-lain arahan.

| Waktu Beroperasi | Tidak melebihi jam 12 tengah malam | Waktu Kehadiran Pelanggan | Tidak melebihi jam 12 tengah malam | Kapasiti Pekerja | 100% |
|---|---|---|---|---|---|

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Pembersihan dan Disinfeksi | • Proses pembersihan dan disinfeksi di kawasan umum (*common area*) akan dilakukan tiga (3) kali sehari.<br>• *Hand sanitizer* akan disediakan di kawasan umum untuk kemudahan pengunjung, staf dan pekerja syarikat / kontraktor di dalam premis dan fasiliti.<br>• Proses pembersihan bagi kawasan luar bangunan akan dilakukan dua (2) minggu sekali. |
| Kafeteria, Kiosk, Kedai Serbaguna dan Cenderahati | • Semua kafeteria, kiosk, kedai serbaguna dan cenderahati akan beroperasi seperti mana premis dan fasiliti awam kebudayaan dibuka dan mengikuti SOP berkaitan.<br>• Pengunjung dikehendaki mematuhi penjarakan fizikal dan kebersihan diri sepanjang berada di dalam kafeteria, kiosk dan kedai serbaguna dan cenderahati.<br>• Staf dan pekerja diwajibkan memakai pelitup muka (*face mask*) dan menjaga kebersihan diri semasa mengendalikan makanan dan melayan pelanggan.<br>• Restoran / *cafe* / sajian dalam premis dibenarkan beroperasi bagi perkhidmatan *dine in / packed food / take away / served buffet* dengan mematuhi penjarakan fizikal dan menghadkan jumlah pengunjung pada satu-satu masa.<br>• Hidangan secara *self-buffet* adalah tidak digalakkan. Pelanggan perlu mengguna sarung tangan pakai buang (*disposable glove*) sekiranya mengambil makanan sendiri secara *self-buffet.* |